

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]

**SOALAN NO. 286**

**DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan yang akan dibelanjakan bagi menjayakan Program Sarapan Percuma (PSP) bagi murid sekolah rendah dan sejauh manakah kemampuan Kementerian untuk menyediakan peruntukan terbabit memandangkan hutang negara kian bertambah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Sarapan Pagi (PSP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diadakan bertujuan untuk memberikan makanan tambahan yang memenuhi keperluan nutrisi penting bagi pertumbuhan fizikal dan kognitif murid-murid sekolah rendah. PSP adalah berfokuskan kepada *nutrition security* yang bertujuan membekalkan makanan yang berkhasiat mengikut nilai kalori dan amalan pemakanan yang seimbang.

Anggaran kos PSP sekiranya melibatkan semua murid-murid adalah di antara RM807 juta hingga RM1.67 bilion bergantung kepada kaedah pelaksanaan bagi 200 hari persekolahan, mengambil kira kos perbekalan bahan mentah di kawasan pedalaman termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sebanyak 2,691,231 murid sekolah rendah

## **NO. SOALAN : 286**

termasuk anak golongan B40 di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada PSP jika dilaksanakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mencadangkan kepada Kementerian bahawa ianya perlu dilaksanakan secara bertahap untuk memastikan pengoperasian PSP dan mekanisme pembiayaan jangka masa panjang yang mampan. Untuk tujuan itu, PSP akan dilaksanakan secara berfasa dan Fasa 1 akan dilaksanakan di setiap negeri mengikut jumlah murid B40 tertinggi. Kementerian akan memilih sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid daripada B40 yang tinggi selain mengambil kira kesediaan pihak kantin dan pihak pembekal. Pelaksanaan sarapan pula akan menggunakan peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian Kewangan di samping mengumpulkan dana daripada pihak ketiga. Ini dilakukan bersama-sama dengan perancangan dan juga sumbang saran daripada MTEN.